



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 7/2022**

29 JULAI 2022 | JUMAAT

09:00 PAGI | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan
Mahmood Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Para pengarah jabatan,
Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.7/2022 bagi bulan Julai** pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 Jun 2022, MPS berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa 2022 sebanyak RM 54.31 juta (102.18%) daripada RM 53.15 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6.073 juta (75.92%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 8 juta.

2. TINDAKAN WARAN TAHANAN CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 8 April 2022. Sebanyak 21,051 waran telah diproses dan telah selesai dihantar pada 30 Jun 2022.
- 2.2 Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa juia harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu.

2.3 Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.

3. KEMPEN KUTIPAN BAGI KAWASAN KAMPUNG DAN RUMAH KOS RENDAH YANG DIKECUALIKAN CUKAI

3.1 MPS sedang mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi kawasan kampung dan rumah kos rendah yang mendapat pengecualian cukai. Pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan dan caj dikenakan 100% akan diberikan. Tempoh kempen adalah dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

4. CABUTAN BERTUAH KEPADA PEMBAYAR YANG MEMBUAT BAYARAN MELALUI MYMPS TAHUN 2022

- 4.1 MPS juga mengadakan program cabutan bertuah kepada pembayar MPS yang membuat bayaran melalui portal myMPS. Pembayaran bil cukai taksiran, lesen, sewaan, permit dan kompaun yang dibuat melalui portal myMPS layak menyertai program cabutan bertuah ini. Hadiah bernilai RM 50,000.00 diberikan kepada pembayar yang bertuah. Tarikh tamat program ini adalah pada 31 Ogos 2022. Semakan dan bayaran bil-bil tersebut boleh dibuat di portal mymps.mps.gov.my.
- 4.2 Untuk makluman, bagi cabutan bertuah kepada pembayar cukai taksiran MPS yang membuat bayaran secara online pada **tahun 2021** telah tamat pada 31 Disember 2021.
- 4.3 Sebanyak 2 kali cabutan telah diadakan pada 23 Februari 2022 iaitu bagi hadiah saguhati dan cabutan utama. Bagi cabutan saguhati, wang tunai telah di masukkan ke dalam akaun pemenang manakala bagi hadiah utama akan diadakan serahan cek kepada pemenang yang akan diadakan pada hari ini. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang.

5. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 2/2022

5.1 Untuk makluman, MPS telah menghantar bil cukai taksiran penggal 2/2022 secara digital iaitu melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS). Semakan dan bayaran bil cukai taksiran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>. Tarikh akhir bagi bayaran cukai taksiran adalah pada 31 Ogos 2022.

6. STAR RATING

- 6.1 Untuk makluman, semalam MPS telah menerima kunjungan panel penilai dari KPKT bagi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022.
- 6.2 Audit kali ini melibatkan seramai 6 orang auditor yang diketuai oleh Encik Mohd Rozuwan bin Ab Llah. Penilaian melibatkan 4 teras iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan dan Penglibatan Komuniti. Keseluruhan indikator melibatkan sebanyak 257 kriteria yang telah dinilai.
- 6.3 Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih diatas komitmen dan usaha setiap jabatan dalam menghadapi audit *star rating* semalam.

6.4 Tahniah diucapan kepada urusetia dan semua jabatan yang terlibat dalam memastikan segala persiapan dari segi dokumen dan di lapangan pada tahap yang terbaik bagi memastikan pengauditan ini berjalan dengan lancar. Semoga kita mendapat keputusan yang cemerlang dalam penilaian ini, Inshaa Allah...

7. KEMPEN PENGURANGAN KOMPAUN MPS 2022

- 7.1 Saya juga ingin memaklumkan sempena Sambutan Jubli Perak MPS yang ke-25 tahun, MPS akan melaksanakan kempen pengurangan kompaun dengan tawaran pengurangan sehingga 70% bagi kompaun Akta dan Undang-Undang Kecil dan tawaran sebanyak RM10.00 bagi setiap keping kompaun Tempat Letak Kereta (TLK) berbayar kepada pemilik-pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak di Selayang.
- 7.2 Tempoh kempen ini akan dilaksanakan bermula 31 Julai 2022 sehingga 15 Oktober 2022. Jadi, orang ramai boleh merebut peluang ini dengan datang ke kaunter bayaran di Lobi Menara MPS, kaunter bergerak MPS yang akan berada di kawasan yang terpilih, myMPS dan melalui aplikasi Flexi Parking dan Smart Selangor Parking untuk membuat bayaran.

7.3 Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua yang masih mempunyai kompaun tertunggak untuk mengambil peluang ini bagi menjelaskan kompaun yang dimiliki untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil.

8. PROGRAM JELAJAH SELANGOR PENYAYANG

- 8.1 Program Jelajah Selangor Penyayang Daerah Gombak akan diadakan pada 31 Julai 2022 iaitu pada hari Ahad ini bertempat di Padang Awam, Batu Caves bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang yang akan dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari.
- 8.2 Program Jelajah Selangor Penyayang Daerah Gombak bertemakan ‘Pendidikan Holistik, Generasi Muda Dinamik’ merupakan program anjuran Kerajaan Negeri Selangor yang bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu dan ditambah baik untuk rakyat dan ianya disusun semula dari Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) sebelum ini.

- 8.3 Pelbagai pengisian dan aktiviti menarik yang akan diadakan antaranya persembahan artis, senamrobik, pertandingan memasak, gubahan bunga, sukan rakyat, pameran dan jualan serta pembukaan kaunter tawaran pengurangan bayaran kompaun dan kesalahan tempat letak kereta berbayar sempena ulang tahun ke-25 MPS.
- 8.4 Daerah Gombak merupakan daerah yang terakhir bagi jelajah ini. Sebelum ini, acara sama dijayakan di Taman Kosas Ampang Jaya, Dataran Pantai Morib Kuala Langat, Stadium Utama Kuala Selangor dan Dataran Boulevard Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 8.5 Saya mengundang semua ahli majlis, pengarah-pengarah jabatan dan orang ramai untuk bersama-sama hadir dalam program ini. Saya berharap program ini dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

9. UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT MAAL HIJRAH

- 9.1 Dikesempatan ini saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Maal Hijrah Tahun Baharu Islam 1444H kepada semua umat Islam di Malaysia yang akan disambut pada

30 Julai 2022 bertemakan ‘Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran’

- 9.2 Seperti sedia maklum, ada dikalangan kita sudah menempuh tahun Hijrah sebelumnya dengan penuh rintangan dan cabaran dan pastinya terdapat banyak peristiwa yang pahit mahupun yang manis terjadi dalam kehidupan masing-masing sepanjang tahun sebelumnya.
- 9.3 Akhir kata, saya mengharapkan semoga tahun Hijrah yang datang tahun ini membawa sinar kejayaan lebih baik kepada seluruh umat Islam berbanding sebelum ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh